



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**PENGETAHUAN, AMALAN
PENGURUSAN DAN APLIKASI PEMAKANAN DALAM
KALANGAN PENGUSAHA PRASEKOLAH**

SURIANI BINTI MOHAMED

FPP 2003 16

**PENGETAHUAN, AMALAN PENGURUSAN DAN APLIKASI PEMAKANAN
DALAM KALANGAN PENGUSAHA PRASEKOLAH**

Oleh

SURIANI BINTI MOHAMED

**Tesis Ini Dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah,
Universiti Putra Malaysia, Bagi Memenuhi Keperluan Untuk
Ijazah Master Sains**

September 2003



Abstrak tesis ini dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai keperluan untuk Ijazah Master Sains

PENGETAHUAN, AMALAN PENGURUSAN DAN APLIKASI PEMAKANAN DALAM KALANGAN PENGUSAHA PRASEKOLAH

Oleh

SURIANI BINTI MOHAMED

September 2003

Pengerusi : Rosini Bt Abu, Ed.D.

Fakulti : Pengajian Pendidikan

Penyertaan kanak-kanak dalam program pendidikan prasekolah semakin hari semakin meningkat. Oleh itu, tanggungjawab ibu bapa menyediakan makanan dan nutrien yang mencukupi dan bersesuaian telah beralih kepada pengusaha prasekolah. Dengan bertambahnya tanggungjawab ini maka adalah perlu untuk menilai amalan pemakanan kanak-kanak dalam kalangan pengusaha prasekolah. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji pengetahuan, amalan pengurusan dan aplikasi pemakanan dalam kalangan pengusaha prasekolah. Kajian ini juga menentukan hubungan latar belakang pengusaha dan sumber pengetahuan terhadap pengetahuan pemakanan.

Seratus lapan puluh satu orang pengusaha prasekolah di negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur terlibat dalam kajian ini. Sampel kajian dipilih menggunakan kaedah rawak mudah. Tiga alat kajian telah dibentuk dan digunakan di dalam kajian ini. Alat kajian tersebut adalah Soal Selidik Pengetahuan Pemakanan,

Soal Selidik Amalan Pengurusan Pemakanan dan Senarai Semak Pemerhatian. Kebolehpercayaan alat kajian ini adalah .66 dan .65 masing-masing. Kesahan kandungan soal selidik telah dianalisis oleh panel yang terdiri daripada dua orang pakar. Aplikasi amalan pemakanan dicerap oleh sepuluh orang pemerhati terlatih. *Inter rater reliability* bagi senarai semak pemerhatian adalah .86 untuk bahagian satu dan .65 untuk bahagian dua.

Majoriti sampel dalam kajian ini berusia 30 tahun ke atas, mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia dan pernah menghadiri kursus pemakanan. Min skor pengetahuan pemakanan adalah 66.4%. Dapatkan menunjukkan terdapat salah konsep berkaitan makanan seimbang dan porsi makanan yang sesuai. Dapatkan juga menunjukkan terdapat hubungan di antara kursus pemakanan dengan pengetahuan pemakanan [$\chi^2 (1,181)=5.602$, $p<.05$]. Terdapat juga hubungan yang signifikan antara buku ($r=.179$, $p<.05$), kolej / universiti ($r=.179$, $p<.05$), kursus ($r=.158$, $p<.05$) dan ceramah ($r=.154$, $p<.05$) dengan pengetahuan pemakanan. Kajian juga mendapati pengusaha prasekolah mempunyai amalan pengurusan pemakanan yang positif. Walau bagaimanapun mereka juga mempunyai amalan pengurusan pemakanan negatif terhadap aspek perancangan menu dan persekitaran sosial dan emosi semasa makan. Pemerhatian ke atas suasana makan mendapati kebanyakan guru tidak makan bersama kanak-kanak dan interaksi antara mereka juga kurang berlaku.

Sehubungan itu, pembentukan garis panduan yang piawai berkaitan amalan pengurusan pemakanan prasekolah adalah perlu dan adalah dicadangkan agar

pengusaha prasekolah serta guru mengikuti kursus pemakanan untuk meningkatkan pengetahuan pemakanan mereka.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment
of the requirements for the degree of Master of Science

**KNOWLEDGE, MANAGEMENT PRACTICES AND APPLICATION OF
NUTRITION AMONG PRESCHOOL OPERATORS**

By

SURIANI BINTI MOHAMED

May 2003

Chairman : Rosini Bt Abu, Ed.D.

Faculty : Educational Studies

With the ever increasing number of children who participate in preschool programmes, the responsibility of providing adequate and appropriate nutrition is shifting to the operators of preschool. With this increased responsibility, it is essential to evaluate current children nutritional practice of preschool operators. The purposes of this study were to determine the nutritional knowledge, management practices and nutritional application. The study also looked at the relationship between operator's background and nutrition knowledge sources towards nutritional knowledge.

A total of one hundred eighty one operators in the states of Selangor and Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur participated in this study. The samples were selected using simple random sampling technique. Three instruments were developed and used in the study. They were the Nutrition Knowledge Questionnaire, Nutrition Management Practices Questionnaire and an Observation Checklist. The reliability of

these instruments are .66 and .65 respectively. Content validity was established using two panel of experts. Applications on nutritional practices were observed using the Observation Checklist by ten trained observers. Inter rater reliabilities were established at .86 for part one and .65 for part two.

Majority of the sample in the study were above 30 years of age, had Sijil Pelajaran Malaysia and had attended nutrition courses. The mean score for nutrition knowledge was 66.4%. Result indicated some misconceptions about balanced diet and appropriate food portion. The findings also showed a relationship between nutrition courses and nutrition knowledge [χ^2 (1,181)=5.602, p<.05]. There was also a significant relationship between sources of nutrition knowledge such as book ($r = .179$, $p <.05$), college/ university ($r = .179$, $p <.05$), nutrition courses ($r = .158$, $p <.05$) and speech ($r = .154$, $p <.05$) and nutrition knowledge. The findings also revealed that there was a positive nutrition management practices among the preschool operators. However they had a negative nutrition management practices on the aspects of menu planning and social and emotional environment during mealtimes. The observation at the mealtimes found that many teachers did not eat with the children and there was lack of interaction between them.

There is a need for development of standard guidelines on nutritional management of preschool, and it is recommended that preschool operators and the teachers attended nutritional courses to enrich their nutritional knowledge.

PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan ribuan terima kasih dan penghargaan kepada semua pihak di Universiti Putra Malaysia terutamanya pegawai akademik di Fakulti Pengajian Pendidikan yang telah memberi kerjasama, dorongan, motivasi dan bimbingan yang sangat berguna untuk menyiapkan tesis ini.

Terima kasih yang tidak terhingga ditujukan kepada Dr. Rosini bt Abu selaku pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan dan ahli Jawatankuasa yang lain khususnya Dr. Putri Zabariah Megat Abdul Rahman serta Cik Genevieve Klang Angking yang telah banyak menyumbang masa, idea, bimbingan dan nasihat di sepanjang pengajian saya di sini. Bimbingan mereka ini sangat bermakna kepada kejayaan kajian saya ini. Sesungguhnya hanya Allah yang dapat membala segala budi baik yang telah diberikan.

Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada seluruh staf di UPM terutamanya Puan Rosinar Johari, Puan Humariyah Sukaimi dan Cik Norsiah Jalil yang banyak memberi kerjasama dan bantuan yang saya perlukan. Penghargaan ini juga ditujukan kepada Che Ani bin Omar selaku pegawai yang berkhidmat di Unit Prasekolah, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan. Beliau telah banyak membantu dan memberikan maklumat dalam proses pengumpulan data. Ucapan penghargaan ini juga ditujukan kepada pengusaha prasekolah swasta di negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang telah memberikan kerjasama untuk menjawab soal

selidik dan membenarkan pemerhatian dijalankan di prasekolah mereka. Kepada pemerhati terlatih, usaha gigih dan kerjasama anda dalam proses memungut data amat saya hargai.

Akhir kata saya amat bersyukur dan terhutang budi kepada ibu dan ayah tersayang yang tidak jemu mengiringi doa buat kejayaan saya. Kepada adik beradik saya Yahya, Rafidah dan Adlina saya sungguh terhutang budi atas dorongan, pertolongan dan sokongan kalian. Begitu juga sahabat-sahabat saya yang banyak membantu pada saat-saat saya amat memerlukan bantuan kalian dalam usaha menyiapkan tesis ini. Sesungguhnya budi baik kalian akan saya kenang.


Saya mengesahkan bahawa Jawatankuasa Pemeriksa bagi Suriani Bt Mohamed telah mengadakan pemeriksaan akhir pada 17 hb September 2003 untuk menilai tesis Master Sains yang bertajuk "Pengetahuan, Pengurusan Amalan Dan Aplikasi Pemakaian Dalam Kalangan Pengusaha Prasekolah" mengikut Akta Universiti Putra Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1980 dan Peraturan Universiti Putra Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1981. Jawatankuasa Pemeriksa memperakukan bahawa calon ini layak untuk dianugerahkan ijazah tersebut. Anggota Jawatankuasa Pemeriksaan calon adalah seperti berikut:

Laily Binti Paim, Ph.D.
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Rosini Binti Abu, Ed.D.
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Putri Zabariah Binti Megat Abdul Rahman, Ph.D.
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Genevieve Klang Angking
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)


(SHAMSHER MOHAMAD RAMADILI, Ph.D.)
Profesor / Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh : 21 NOV 2003

Tesis ini telah diserahkan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Master Sains. Anggota Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Rosini Bt Abu, Ed.D.
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Putri Zabariah Megat Abdul Rahman, Ph.D.
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Genevieve Klang Angking
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)



(AINI IDERIS, Ph.D.)
Profesor / Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh : ~~20 JAN 2004~~

PERAKUAN

Saya mengaku bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang telah diberi penghargaan di dalam tesis. Saya juga mengaku bahawa tesis ini tidak dimajukan untuk ijazah lain di UPM atau universiti-universiti lain.



A handwritten signature in black ink, appearing to read "Suriani Mohamed", is written over a horizontal line. Below the line, the name is printed in a bold, sans-serif font.

(SURIANI MOHAMED)

Tarikh : 1 hb Disember 2003

JADUAL KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK.....	ii
ABSTRACT.....	v
PENGHARGAAN.....	vii
LEMBARAN PENGESAHAN.....	ix
PERAKUAN	xi
SENARAI JADUAL.....	xv
SENARAI RAJAH.....	xvii
SENARAI SINGKATAN.....	xviii
BAB	
I PENGENALAN	1
Latar Belakang Kajian.....	1
Penyataan Masalah.....	9
Objektif Kajian.....	11
Soalan Kajian.....	12
Kepentingan Kajian.....	13
Limitasi Kajian.....	15
Definisi Operasional.....	16
II SOROTAN LITERATUR	
Pengenalan.....	19
Kerangka Teori.....	20
Kerangka Konsepsual.....	27
Pembentukan Tabiat Makan Dan Pemilihan Makanan.....	30
Perkembangan Psikososial Dan Kognitif.....	32
Pengaruh Persekutaran Sosial.....	35
Piawaian Amalan Pemakanan Di Prasekolah.....	42
Menu.....	42
Persekutaran Fizikal.....	44
Persekutaran Emosi.....	45
Penyediaan Dan Perkhidmatan Makanan.....	46
Pendidikan Pemakanan.....	46
Masalah Amalan Pemakanan Di Prasekolah.....	48
Pengetahuan Pemakanan.....	48
Sumber Pengetahuan Pemakanan.....	53
Salah Konsep Terhadap Pemakanan.....	56
Amalan Pengurusan Pemakanan.....	62
Perancangan Menu.....	66
Rumusan.....	68

III	METODOLOGI KAJIAN	
	Reka Bentuk Kajian.....	71
	Subjek Kajian	72
	Populasi Kajian	72
	Sampel Kajian	73
	Alat Kajian	76
	Bahagian A : Maklumat Diri	77
	Bahagian B : Pengetahuan Pemakanan	78
	Bahagian C : Amalan Pengurusan Pemakanan di Prasekolah	79
	Bahagian D : Senarai Semak Pemerhatian	80
	Kesahan Alat Kajian	81
	Kebolehpercayaan Alat Kajian	82
	Pengumpulan Data	83
	Analisis Data	85
IV	DAPATAN KAJIAN	
	Pengenalan.....	87
	Latar Belakang Pengusaha.....	87
	Jantina, Bangsa, Umur dan Pengalaman Mengendalikan Prasekolah	88
	Kelayakan Akademik Biasa dan Kelayakan Akademik Pengkhususan dalam Bidang Prasekolah.....	90
	Menghadiri Kursus Pemakanan, Tempoh Kursus dan Aspek Pemakanan	93
	Sumber Pengetahuan Pemakanan Kanak-Kanak.....	94
	Tahap Pengetahuan Pemakanan Kanak-Kanak dalam Kalangan Pengusaha Prasekolah.....	97
	Hubungan Faktor Latar Belakang dan Tahap Pengetahuan Pemakanan Kanak-Kanak dalam Kalangan Pengusaha	109
	Hubungan Sumber Pengetahuan dan Pengetahuan Pemakanan Kanak-Kanak dalam Kalangan Pengusaha	119
	Amalan Pengurusan Pemakanan Kanak-Kanak dalam Kalangan Pengusaha	122
	Aplikasi Amalan Pemakanan Kanak-Kanak dalam Kalangan Pengusaha	132
	Perbandingan Aplikasi Amalan Pemakanan Antara Pengusaha Prasekolah di Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.....	138
V	PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN	
	Ringkasan Kajian.....	141
	Hasil Kajian Dan Perbincangan.....	142
	Latar Belakang Dan Ciri Profesional Responden.....	142

Pengetahuan Pemakanan Kanak-Kanak dalam Kalangan Pengusaha Prasekolah	144
Pengaruh Latar Belakang Pengusaha Terhadap Pengetahuan Pemakanan Kanak-Kanak dalam Kalangan Pengusaha	148
Pengaruh Sumber Pengetahuan Pemakanan Kanak-Kanak Terhadap Pengetahuan Pemakanan dalam Kalangan Pengusaha	150
Amalan Pengurusan Pemakanan Kanak-Kanak dalam Kalangan Pengusaha Prasekolah	152
Aplikasi Amalan Pemakanan Kanak-Kanak dalam Kalangan Pengusaha Prasekolah.....	161
Perbezaan Aplikasi Amalan Pemakanan Kanak-Kanak Antara Pengusaha di Negeri Selangor Dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.....	165
Rumusan.....	167
Cadangan	169
Cadangan Kajian Akan Datang	171
 BIBLIOGRAFI.....	173
Lampiran A	180
Lampiran B	189
Lampiran C	193
Lampiran D	200
Lampiran E.....	201
Lampiran F.....	202
BIODATA	203

SENARAI JADUAL

Jadual	Halaman
1 Statistik kanak-kanak yang mengikuti program prasekolah di pelbagai agensi pada tahun 2001	3
2 Strategi menghidang makanan kanak-kanak aplikasi teori Erik Erikson.	34
3 Lokasi dan bilangan sampel	76
4 Pemilihan statistik berdasarkan skala pengukuran.....	86
5 Taburan jantina, bangsa, umur dan pengalaman mengendalikan prasekolah dalam kalangan pengusaha.	90
6 Taburan kelayakan akademik biasa dan kelayakan akademik pengkhususan dalam bidang prasekolah dalam kalangan pengusaha.	92
7 Taburan kursus pemakanan pengusaha.	93
8 Aspek pemakanan yang diperbincangkan semasa kursus pemakanan	94
9 Sumber pengetahuan pemakanan kanak-kanak dalam kalangan pengusaha.	95
10 Min dan sisihan piawai peratusan skor pengetahuan pemakanan kanak-kanak dalam kalangan pengusaha.	97
11 Taburan tahap pengetahuan pemakanan kanak-kanak dalam kalangan pengusaha.	98
12 Taburan frekuensi dan peratusan pengetahuan pemakanan kanak-kanak dalam kalangan pengusaha.	102
13 Taburan min peratusan kategori penilaian bagi kategori pengetahuan pemakanan kanak-kanak dalam kalangan pengusaha.	106
14 Turutan kedudukan penyataan salah konsep.....	108
15 Interpretasi pekali korelasi Guildford (1956).....	109
16 Analisis jadual silang dan ujian Khi Kuasa Dua tahap pengetahuan pemakanan kanak-kanak dengan lokasi prasekolah.	111

17	Analisis jadual silang dan ujian Khi Kuasa Dua tahap pengetahuan pemakanan kanak-kanak dengan bangsa.	112
18	Analisis jadual silang dan ujian Khi Kuasa Dua tahap pengetahuan pemakanan kanak-kanak dengan pengalaman mengendalikan prasekolah.	114
19	Analisis jadual silang dan ujian Khi Kuasa Dua tahap pengetahuan pemakanan kanak-kanak dalam kalangan pengusaha prasekolah dengan kelayakan akademik biasa.	115
20	Analisis jadual silang dan ujian Khi Kuasa Dua tahap pengetahuan pemakanan kanak-kanak dalam kalangan pengusaha prasekolah dengan kelayakan akademik pengkhususan dalam bidang prasekolah.	117
21	Analisis jadual silang dan ujian khi kuasa dua tahap pengetahuan pemakanan kanak-kanak dengan kursus pemakanan.	119
22	Analisis korelasi Pearson Product Moment antara tahap pengetahuan pemakanan kanak-kanak dengan sumber pengetahuan	122
23	Skala Jemaah Nazir Kementerian Pendidikan Malaysia.....	123
24	Min peratusan amalan pengurusan pemakanan kanak-kanak dalam kalangan pengusaha.	124
25	Amalan pengurusan pemakanan kanak-kanak prasekolah dalam kalangan pengusaha.	130
26	Min skor aplikasi amalan pemakanan kanak-kanak di prasekolah oleh pengusaha.	133
27	Aplikasi amalan pemakanan aspek persekitaran fizikal dan menu oleh pengusaha prasekolah.	135
28	Aplikasi amalan pemakanan aspek prosedur makan dan pemakanan kanak-kanak oleh pengusaha.	137
29	Ujian t tidak bersandar aplikasi amalan pemakanan aspek persekitaran fizikal, perancangan menu dan makanan seimbang dengan lokasi prasekolah.	139
30	Ujian t tidak bersandar aplikasi amalan pemakanan aspek prosedur makan dan pemakanan dengan lokasi prasekolah .	140
	

SENARAI RAJAH

Rajah

Halaman

1	Model pengajaran di bilik darjah oleh Dunkin dan Biddle (1974)	22
2	Model kerangka konsepsual.	28

SENARAI SINGKATAN

1	SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
2	STPM	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
3	SPSS	Statistical Packages for Social Sciences
4	ADA	American Dietetics Association
5	NAEYC	National Accreditation Education of Young Children
6	NCAC	National Child Care Accreditation Council of Australia
7	RDA	Recommended Dietary Allowances
8	KEMAS	Jabatan Kemajuan Masyarakat
9	KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
10	KAFA	Kelas Al-Quran dan Fardu Ain
11	ABIM	Angkatan Belia Islam Malaysia

BAB 1

PENGENALAN

Latar Belakang Kajian

Pendidikan prasekolah adalah pendidikan asas yang penting dan merupakan pendidikan awal dalam perkembangan hidup individu selepas pendidikan di rumah. Pendidikan prasekolah juga menjadi asas menyemai semangat cintakan ilmu dan sukakan sekolah. Dari perspektif Islam, Imam Al-Ghazali berpendapat:

“Kanak-kanak merupakan amanah dan tanggungjawab orang tuanya, jiwanya suci murni merupakan permata yang mahal yang bersahaja dan bebas dari ukiran dan gambaran dan ia boleh menerima setiap ukiran dan cenderung kepada apa yang dicenderungkan kepadanya”. (Al-Ghazali 1296H, dalam Rohaty Mohd. Majzub 1989, ms 37).

Rousseau, seorang ahli falsafah Perancis pula menjelaskan:

“Pentingnya masa kanak-kanak di mana peribadi kanak-kanak terbentuk dan pengaruhnya besar sekali pada kehidupan selanjutnya, iaitu masa dewasa dan masa tua hal-hal yang pertamalah patut dipelihara, sebab kanak-kanak pada asalnya diciptakan siap untuk menerima baik atau buruknya hanya orang tualah yang mencenderungkan kepada salah satu di antaranya” (Rousseau 1762, dalam Rohaty Mohd. Majzub 1989, ms 29).

Pendapat kedua-dua tokoh ini membuktikan bahawa pendidikan prasekolah sangat dititikberatkan oleh ahli falsafah Islam dan Barat. Mereka berpendapat kanak-kanak mempunyai waktu yang sangat singkat dan di dalam waktu kritikal ini mereka perlu mendapat perhatian yang serius. Ibu bapa dan orang dewasa yang berada di

persekitaran terdekat kanak-kanak tersebut mempunyai peranan penting untuk membentuk mereka. Perkembangan jasmani, emosi, rohani dan intelek kanak-kanak bergantung kepada bentuk asuhan yang diperolehi di dalam waktu kritikal ini. Dengan ini didikan yang sempurna terhadap kanak-kanak mencakupi jasmani, emosi, rohani dan intelek akan memberi kesan yang positif sepanjang hayat mereka.

Perkembangan pendidikan prasekolah di Malaysia menunjukkan terdapat beberapa agensi kerajaan dan swasta telah mula giat menujuhan pusat-pusat prasekolah dalam tahun 1970an dan 1980an. Perkembangan ini bermula apabila pihak kerajaan dan swasta menyedari bahawa pendidikan prasekolah adalah persediaan awal kepada kanak-kanak sebelum memasuki alam persekolahan (Suffean Hussin, 1996). Di antara agensi kerajaan yang masih aktif menjalankan pendidikan prasekolah hingga kini adalah Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Jabatan Perpaduan Negara, dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Manakala agensi swasta yang turut menjalankan prasekolah terdiri daripada parti politik, kesatuan agama, badan korporat dan badan persendirian. Kumpulan sasaran bagi agensi kerajaan adalah kanak-kanak di kawasan luar bandar. Manakala kumpulan sasaran agensi swasta pula adalah kanak-kanak di kawasan bandar kerana penempatan pusat prasekolah swasta lebih tertumpu di kawasan bandar terutamanya di negeri-negeri yang maju seperti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor dan Johor.

Jadual 1 menunjukkan statistik kanak-kanak yang mengikuti program pendidikan prasekolah di pelbagai agensi. Berdasarkan jadual ini terdapat pelbagai agensi

kerajaan dan swasta yang menawarkan program pendidikan prasekolah di Malaysia. Program prasekolah sebegini berperanan untuk mengambil alih tanggungjawab ibu bapa semasa anak-anak mereka di prasekolah dalam mengurus tingkah laku kanak-kanak tersebut. Dengan ini ibu bapa mempunyai alternatif sama ada untuk menghantar anak-anak mereka ke pusat prasekolah anjuran kerajaan ataupun swasta mengikut kemampuan atau lokasi tempat tinggal mereka.

Berdasarkan jadual ini juga dapat dilihat bahawa agensi KEMAS di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah memberikan tempat kepada 204,720 orang kanak-kanak iaitu 25.5% daripada jumlah kanak-kanak prasekolah seluruh negara pada tahun 2001. Namun begitu peningkatan bilangan kanak-kanak yang menyertai prasekolah di agensi swasta begitu menggalakkan. Pada tahun 2001 terdapat seramai 507,282 orang (63.1%) kanak-kanak di prasekolah yang ditawarkan oleh agensi swasta.

Jadual 1: Statistik kanak-kanak yang mengikuti program prasekolah di pelbagai agensi pada tahun 2001

Agensi	Bil. Sekolah	Bil. Kelas	Bil. Murid
KPM	1,053	1,116	26,718
KEMAS	6,846	7,725	204,720
PERPADUAN	1,058	1,058	30,456
KAFA	190	424	13,956
ABIM	329	801	20,869
SWASTA	2,461	(Tidak diketahui)	507,282
Jumlah	11,937	11,124	804,001

Sumber : Putri Zabariah dan Raja Hamizah. 2003. Tadika berkualiti : Siri Pendidikan Prasekolah.

Kesedaran ibu bapa untuk memberikan pendedahan pendidikan awal yang sempurna kepada kanak-kanak merupakan faktor peningkatan bilangan kanak-kanak yang menyertai prasekolah. Selain itu, peningkatan ekonomi juga telah memberikan peluang pekerjaan kepada kaum wanita. Pada tahun 2000 peratus wanita bekerja telah meningkat kepada 44.5% berbanding 43.5% pada tahun 1995 (Rancangan Malaysia Kelapan). Peratus wanita bekerja yang tinggi ini, secara tidak langsung menunjukkan ramai kaum ibu yang terpaksa menyerahkan tugas mengasuh dan mendidik anak mereka kepada pihak lain.

Kesibukan ibu yang bekerja juga membuatkan mereka kekurangan masa menyediakan makanan yang berkhasiat untuk anak-anak mereka terutamanya hidangan untuk sarapan pagi. Ma (1998) menyatakan alasan utama bagi kanak-kanak tidak mengambil sarapan pagi adalah kekurangan masa, tidak lapar dan tidak mahu makan. Kajian oleh Pollitt, Leibel dan Greenfield (1981) telah membuktikan bahawa kanak-kanak yang tidak mengambil sarapan tidak dapat melaksanakan aktiviti penyelesaian masalah dengan tepat. Tabiat mengambil sarapan di dapati berkait dengan kesan positif terhadap memberi perhatian, tumpuan dan kemahiran-kemahiran penting yang boleh mempengaruhi kecemerlangan akademik (Nicklas, Bao, Webber dan Berenson, 1993). Dengan ini ibu bapa mengharapkan pihak prasekolah dapat menyediakan makanan yang berkhasiat, mencukupi dan bersesuaian untuk anak-anak mereka.

Kurikulum Prasekolah Kebangsaan 2003 telah memperuntukkan amalan makanan dan pemakanan yang baik dan seimbang serta mengamalkan adab makan yang baik untuk

kanak-kanak. Ini jelas menunjukkan semua pusat prasekolah yang dikendalikan oleh kerajaan, mahupun swasta mestilah mematuhi peruntukan ini dengan menyediakan makanan yang berkhasiat, seimbang dan menerapkan adab makan serta pemilihan makanan yang betul dalam kalangan kanak-kanak. Kurikulum Prasekolah Kebangsaan 2003 juga menegaskan bahawa setiap prasekolah seharusnya mempunyai ruang penyediaan makanan. Selain daripada menyediakan makanan, ruang ini juga digunakan untuk memberi pengalaman kepada kanak-kanak menghidang makanan, mengamalkan adab dan nilai-nilai murni sebelum, semasa dan selepas makan.

Melalui Kurikulum Prasekolah Kebangsaan 2003, tempoh pengajaran dan pembelajaran secara rasmi telah berubah daripada maksimum tiga jam sehari kepada minimum tiga jam sehari selama lima hari seminggu. Oleh itu, tempoh kanak-kanak berada di prasekolah yang agak panjang ini memerlukan pihak prasekolah menyediakan makanan kepada kanak-kanak. The *American Dietetic Association* (1999) ada menyarankan piawaian pemakanan untuk pusat penjagaan kanak-kanak. Bagi kanak-kanak yang berada di pusat penjagaan atau prasekolah selama empat hingga tujuh jam sehari, mestilah dihidangkan makanan sekurang-kurangnya satu pertiga daripada keperluan nutrien harian kanak-kanak tersebut. Manakala kanak-kanak yang berada di pusat penjagaan selama lapan jam atau lebih, mereka mestilah dihidangkan setengah atau dua pertiga daripada keperluan nutrien harian mereka.

Pakar pemakanan Van Toh Peng dalam ucapan perasmian program ‘Permulaan Pemakanan Ceria’ menyatakan, pemakanan berkhasiat dan seimbang semasa kanak-

kanak adalah penting untuk pertumbuhan dan perkembangan kanak-kanak (Fauziah Hassan, 2000). Pemakanan yang betul semasa kanak-kanak juga boleh membentuk satu pola pemakanan yang sihat sepanjang hayat seseorang. Amalan pemakanan yang sihat akan membantu kanak-kanak bijak membuat pemilihan makanan dari segi kualiti dan kuantiti yang patut diambil seterusnya boleh mengelakkan diri daripada mengalami penyakit kronik seperti diabetes, obesiti, kardiovaskular dan barah apabila mereka dewasa kelak.

Dapat dirumuskan bahawa tanggungjawab menyediakan makanan di prasekolah adalah penting. Selain daripada mendidik dan mengasuh, pihak prasekolah juga perlu menyediakan hidangan yang berkhasiat kepada kanak-kanak semasa mereka berada di prasekolah bagi menyempurnakan lagi tanggungjawab yang telah diamanah oleh ibu bapa kepada pihak prasekolah. Oleh itu, adalah wajar bagi semua pengusaha prasekolah mempunyai pengetahuan yang mencukupi tentang pemakanan supaya mereka dapat mengambil bahagian dalam membentuk generasi yang berkualiti. Sistem pengurusan pendidikan prasekolah juga mestilah mematuhi dan dapat mencapai piawaian garis panduan pengurusan makanan dan pemakanan kanak-kanak yang telah ditetapkan supaya makanan yang disediakan kepada kanak-kanak adalah seimbang, selamat, bersih dan dapat menyumbangkan pertumbuhan yang sihat dan optimum kepada kanak-kanak.

Satu lagi tanggungjawab prasekolah adalah membimbing dan membentuk tabiat makan yang betul kepada kanak-kanak. Pengusaha prasekolah dan guru boleh